

A. Program Pemulihan untuk Individu & Mikro, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)

No.	Soalan	Jawapan
1	Apakah yang dimaksudkan dengan Program Pemulihan?	<p>Program Pemulihan ini merupakan program penstructuran semula atau penjadualan semula yang direka untuk membantu pelanggan AmBank daripada segmen Individu & Mikro, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang menghadapi kesukaran untuk memenuhi obligasi pembayaran mereka.</p> <p>Program Pemulihan yang disediakan oleh AmBank adalah terdiri daripada:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Pengurangan pembayaran ansuran bulanan selama 12 bulan<ol style="list-style-type: none">a) Bayaran sebanyak 50% daripada amaun ansuran bulanan asal untuk tempoh 6 bulan yang pertama; danb) Diikuti dengan bayaran sebanyak 75% daripada amaun ansuran bulanan asal untuk tempoh 6 bulan seterusnya. <p>Nota: Pembayaran sebanyak 50% daripada amaun ansuran bulanan asal hanya boleh diguna pakai sekiranya amaun itu adalah mencukupi untuk membayar faedah/keuntungan bulanan. Jika tidak, pembayaran akan berdasarkan perkara b) untuk 12 bulan.</p> <ol style="list-style-type: none">2. Pengurangan ansuran bulanan, dengan amaun yang tetap di sepanjang tempoh tersebut, dengan/tanpa:<ol style="list-style-type: none">a) Pengurangan kadar faedah/keuntungan; ataub) Pemanjangan tempoh pinjaman/pembiayaan3. Pengurangan ansuran bulanan sehingga 24 bulan, diikuti dengan ansuran bertingkat dengan/tanpa:<ol style="list-style-type: none">a) Pengurangan kadar faedah/keuntungan; ataub) Pemanjangan tempoh pinjaman/pembiayaan4. Penukaran Overdraf/Cashline kepada Pinjaman Bertempoh/Pembiayaan Bertempoh-i5. Penukaran Kad Kredit kepada Pinjaman Bertempoh/Pembiayaan Bertempoh-i

AmBank/ AmBank Islamic**Program Pemulihan – Soalan Lazim**

No.	Soalan	Jawapan
		<p>Nota: Bayaran bulanan yang disemak semula tersebut mungkin berubah sekiranya terdapat perubahan dalam Kadar Asas (KA)/Kadar Pinjaman Asas (KPA)/Kadar Pembiayaan Asas bagi pinjaman/pembiayaan dengan kadar berubah.</p> <p>Kami amat memahami bahawa keadaan buat masa ini masih mencabar. Oleh itu, AmBank/AmBank Islamic komited untuk memberikan anda bantuan dan sokongan yang sewajarnya bagi memenuhi obligasi pembayaran anda</p> <p>Sekiranya status kewangan anda telah bertambah baik dan anda boleh menambah bayaran bulanan pembiayaan/pinjaman anda, sila hubungi kami untuk menyemak semula terma bayaran.</p>
2	Apakah akaun pinjaman/pembiayaan yang layak di bawah Program Pemulihan?	<p>Mana-mana kemudahan pinjaman/pembiayaan yang berikut pada tarikh permohonan dibuat oleh pelanggan, kekal aktif adalah layak untuk menyertai Program Pemulihan tersebut:</p> <p>Pinjaman/Pembiayaan Perumahan Pinjaman/Pembiayaan Peribadi-i (Tidak termasuk Kakitangan Awam/Angkasa) Pinjaman/Pembiayaan Kenderaan Pinjaman/Pembiayaan Sewa Beli Kad Kredit/Kad Kredit-i Pinjaman/Pembiayaan Bertempoh yang telah ditukarkan daripada baki Kad Kredit/Kad Kredit-i Pinjaman/Pembiayaan Modal Kerja Bertempoh PKS Pinjaman/Pembiayaan Harta Perniagaan PKS Overdraf/Kemudahan Cashline-i</p>
4	Bilakah tarikh ianya berkuat kuasa?	Bantuan ini tersedia buat masa ini untuk dipohon oleh pelanggan yang layak.
5	Bagaimanakah saya boleh memohon untuk program ini?	<p>Semua individu dan perniagaan yang memerlukan Program Pemulihan boleh:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Menghantar permohonan anda melalui laman sesawang kami: ambank.com.my/RR ATAU2. Hubungi nombor telefon di bawah: <p><u>Pelanggan Individu</u></p>

No.	Soalan	Jawapan
		<p>03-20546688 (Waktu operasi: Isnin hingga Khamis, dari 8.45 pagi hingga 5.45 petang dan Jumaat, dari 8.45 pagi hingga to 4.45 petang, kecuali Cuti Umum)</p> <p><u>Pelanggan PKS</u></p> <ul style="list-style-type: none">• Anda boleh menghubungi Pengurus Perhubungan anda <p>3. Bagi pemegang Kad Kredit/-i, anda boleh menghantar permohonan anda melalui aplikasi AmOnline. Sila rujuk ambank.com.my/btl6 untuk maklumat lanjut.</p> <p>Nota: Bagi Pinjaman/Pembiayaan Sewa Beli di bawah Akta Sewa Beli dan Pembiayaan Kadar Tetap Berlandaskan Islam, perjanjian tambahan yang memperincikan perubahan yang berkaitan di dalam pinjaman/pembiayaan anda akan dihantar untuk pengesahan anda. Pengesahan ini diperlukan bagi membolehkan Program Pemulihan tersebut berkuat kuasa.</p>
6	Apakah dokumen yang perlu saya serahkan?	<p>Sebarang permohonan yang diterima memerlukan dokumentasi daripada pelanggan bagi membuktikan kelayakan untuk memohon. Bank berhak untuk membatalkan permohonan sekiranya maklumat yang diberikan tidak betul.</p> <p>Bagi individu yang bergaji, sekurang-kurangnya satu daripada dokumen berikut, yang mana berkenaan, diperlukan untuk menyokong permohonan:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Slip Gaji/Baucar Bayaran 3 bulan terakhir; atau2. Penyata KWSP terkini dengan pecahan carumman bulanan KWSP bagi tahun tersebut; atau3. Borang Cukai Pendapatan terkini yang menunjukkan pendapatan tahunan; atau4. Penyata Bank 3 bulan terakhir

AmBank/ AmBank Islamic**Program Pemulihan – Soalan Lazim**

No.	Soalan	Jawapan
		<p>Bagi Individu yang Bekerja Sendiri/ Perusahaan Mikro, Kecil & Sederhana (PKS), sekurang-kurangnya satu daripada dokumen berikut, yang mana berkenaan, akan diperlukan untuk menyokong permohonan;</p> <ol style="list-style-type: none">1. Penyata Bank 6 bulan terakhir, dan2. Laporan Audit 2 tahun terakhir; atau3. Laporan Akaun Pengurusan 2 tahun terakhir; dan4. Pendaftar Syarikat terkini
7	Berapa lamakah masa yang diambil untuk permohonan saya diluluskan?	<p>Program Pemulihan akan diberikan kepada pelanggan yang layak apabila permohonan anda diserahkan.</p> <p>Bagi pelanggan yang tidak layak, Bank akan menyemak permohonan anda, menilai situasi anda dan berbincang dengan anda untuk penyelesaian lain.</p>
8	Bagaimana dan bilakah saya boleh mengetahui jika permohonan saya berjaya?	<p>Bank akan memaklumkan kepada anda mengenai keputusan permohonan anda dalam masa 14 hari kalendar bagi pelanggan Individu, dan PKS.</p>
9	Sekiranya saya tidak layak untuk mana-mana pakej, bolehkah saya memohon sebarang program bantuan lain?	<p>Bagi pelanggan yang tidak layak untuk mana-mana pakej yang dinyatakan di atas, Bank boleh menyediakan Program Bantuan lain yang bersesuaian dengan keperluan kewangan dan situasi anda dalam usaha kami untuk membantu mengurangkan bebanan anda, tertakluk pada penilaian dalaman kami.</p> <p>Bank juga boleh merujuk anda kepada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) untuk nasihat kewangan lanjut bagi menguruskan hutang anda.</p>
10	Saya telah memohon untuk Cuti Bayaran yang sedia ada. Adakah saya masih boleh memilih untuk memohon Program Pemulihan ini?	<p>Ya, Bank boleh menerima permohonan daripada anda walaupun anda telah mendaftar untuk Cuti Bayaran yang sedia ada. Permohonan anda yang baharu hanya akan berkuat kuasa setelah bantuan semasa atau yang sedia ada tamat.</p>

AmBank/ AmBank Islamic**Program Pemulihan – Soalan Lazim**

No.	Soalan	Jawapan
11	Bilakah saya perlu memohon? Bolehkah saya memilih untuk memohon kemudian, contohnya, bila-bila masa pada tahun hadapan?	Anda boleh memohon bantuan yang diperlukan pada bila-bila masa dari sekarang.
12	Apakah yang perlu saya ketahui tentang Program Pemulihan ini sebelum membuat keputusan mengenai pilihan yang disediakan?	<p>Sebelum anda mengesahkan penerimaan anda, sila ambil perhatian dan harap maklum bahawa:</p> <ul style="list-style-type: none">(a) Amaun bayaran bulanan dan/atau tempoh pinjaman/pembiayaan anda akan diselaraskan untuk menggambarkan kos pembiayaan keseluruhan yang lebih tinggi; dan(b) Untuk kemudahan Sewa Beli dan pembiayaan berlandaskan Islam, dokumen atau perjanjian baharu perlu ditandatangani selaras dengan keperluan undang-undang dan Syariah sebelum bantuan boleh berkuat kuasa.(c) Selain daripada di atas, anda juga dinasihatkan untuk memahami butiran terperinci mengenai implikasi kos akibat daripada bantuan tersebut, sebelum anda mengesahkan pilihan anda. Ini termasuklah butiran tentang perubahan dalam jadual pembayaran di mana akan terdapat lanjutan dalam tempoh bayaran, peningkatan dalam ansuran bulanan dan sebarang pembayaran sekali gus yang perlu dibayar pada masa hadapan. <p>Justeru itu, sekiranya status kewangan anda telah bertambah baik dan anda mampu untuk menambah bayaran bulanan pembiayaan/pinjaman anda, sila hubungi kami untuk menyemak semula terma bayaran anda.</p>
13	Bagi pinjaman/pembiayaan di mana pembayaran balik/bayaran adalah dilindungi di bawah Insurans Bertempoh Menyusut Gadai Janji (MRTA) atau Takaful Bertempoh Menyusut Gadai Janji (MRTT), adakah tempoh perlindungan ini dilanjutkan mengikut lanjutan tempoh pinjaman/pembiayaan?	Tempoh perlindungan MRTA/MRTT tidak akan dilanjutkan. Sila hubungi syarikat insurans/Takaful anda untuk melindungi tempoh lanjutan pinjaman/pembiayaan tersebut sekiranya anda ingin melindungi kepentingan anda.
14	Adakah rekod kredit kewangan akan terkesan, terutamanya CCRIS, bagi	Ya. Sebarang permohonan untuk Program Pemulihan yang dihantar pada atau selepas 1 Januari 2022 akan memberi kesan terhadap rekod CCRIS anda, di mana rekod CCRIS anda akan menunjukkan bahawa akaun pinjaman/pembiayaan anda berada di bawah Penjadualan Semula atau Penstrukturan Semula Akaun.

AmBank/ AmBank Islamic**Program Pemulihan – Soalan Lazim**

No.	Soalan	Jawapan
	pelanggan yang memilih untuk mendapatkan Program Pemulihan?	
15	Bagaimana cara untuk saya membuat bayaran balik bulanan?	<p>Setelah mendaftar untuk Program Pemulihan, bagi memastikan pembayaran balik bulanan anda dilakukan tepat mengikut masa, anda mempunyai pilihan seperti yang berikut.</p> <p>Bagi Pelanggan Individu Anda boleh membuat pembayaran balik bulanan anda:</p> <ul style="list-style-type: none">• Dengan menyediakan Arahan Tetap daripada Akaun Simpanan/Semasa/-i Simpanan/Semasa AmBank/AmBank Islamic anda melalui Debit Auto atau sesawang/aplikasi mudah alih AmOnline; ATAU• Melalui pindahan dana dalam talian daripada Akaun/-i Simpanan/Semasa AmBank/AmBank Islamic anda melalui Debit Auto atau sesawang/aplikasi mudah alih AmOnline; ATAU• Melalui pindahan dana dalam talian or menyediakan Arahan Tetap daripada Akaun/-i Simpanan/Semasa AmBank/AmBank Islamic anda dengan bank lain menerusi FPX/DuitNow <p>Kaedah pembayaran alternatif termasuk;</p> <ul style="list-style-type: none">• Pemindahan dana ATM daripada Akaun/-i Simpanan/Semasa AmBank/AmBank Islamic anda ke akaun pinjaman/pembiayaan anda• Melakukan deposit tunai ke dalam akaun pinjaman/pembiayaan anda melalui Mesin Deposit Tunai• Melakukan deposit cek dalam ke akaun pinjaman/pembiayaan anda melalui Mesin Deposit Cek <p>Bagi Perusahaan Mikro, Kecil & Sederhana (PKS) Anda boleh membuat pembayaran balik bulanan anda:</p> <ul style="list-style-type: none">• Dengan menyediakan Arahan Tetap daripada Akaun Semasa/-i Perniagaan AmBank/AmBank Islamic anda melalui Debit Auto atau sesawang/aplikasi mudah alih AmAccess Biz; ATAU• Melalui pindahan dana dalam talian daripada Akaun Semasa/-i Perniagaan AmBank/AmBank Islamic anda melalui Debit Auto atau sesawang/aplikasi mudah alih AmAccess Biz; ATAU• Melalui pindahan dana dalam talian atau dengan menyediakan Arahan Tetap daripada Akaun Semasa/-i anda dengan bank lain menerusi FPX/DuitNow <p>Kaedah pembayaran alternatif termasuk;</p> <ul style="list-style-type: none">• Melakukan deposit tunai ke dalam akaun pinjaman/pembiayaan anda melalui Mesin Deposit Tunai• Melakukan deposit cek dalam ke akaun pinjaman/pembiayaan anda melalui Mesin Deposit Cek

AmBank/ AmBank Islamic**Program Pemulihan – Soalan Lazim**

No.	Soalan	Jawapan
16	Saya telah mengemukakan permohonan saya untuk Program Pemulihan. Adakah saya masih perlu meneruskan pembayaran ansuran bulanan sedia ada untuk kemudahan pinjaman/pembiayaan saya sementara menunggu keputusan permohonan saya?	Ya. Anda perlu meneruskan pembayaran ansuran bulanan sedia ada anda sementara menunggu permohonan anda diproses dan keputusan dimaklumkan kepada anda bagi memastikan akaun anda tidak tertunggak atau tiada tindakan undang-undang diambil terhadap anda.
17	Apakah yang akan berlaku sekiranya tempoh pinjaman/pembiayaan di lanjutkan melebihi umur persaraan?	Sekiranya pinjaman/pembiayaan di lanjutkan melebihi umur persaraan, adalah penting untuk anda mempunyai pelan bagaimana anda hendak membuat pembayaran melebihi umur persaraan